NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 58
Bil. 14

**7hb Julai 2005**

*TAMBAHAN*
*No. 2*

KANUN TANAH NEGARA 1965

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE 1965

(Act 56 of 1965)

**No. 739.**

[Subseksyen 64(1)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(1)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya melalui Pemberitahuan No. 212 yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Perak bertarikh 29 Februari 1996, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di dalam Mukim Lekir, Daerah Manjung yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Hasil Ukur No. 74161 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak sebagai rizab bagi maksud suatu tapak padang ragut yang akan diselenggarakan oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Perak dan dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak;

Dan bahawasanya kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban yang disebut terdahulu dibatalkan sebahagiannya sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah, Seri Manjung pada 14 Julai 2005, jam 9.30 pagi

Pemberitahuan No. 470 yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Perak bertarikh 12 Mei 2005 dengan ini dibatalkan.

JADUAL

Daerah—Manjung. Mukim—Lekir. No. Pelan—P.A. 74161. No. Lot—4921. Luas—8.15 hektar/20 ekar.

Bertarikh 28 Jun 2005
[PTG.Pk. 252/2-93(D)P Jld. 1;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 3]

HASIM BIN HASAN
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*
*Perak*

Whereas by Notification No. 212 published in the Perak Government *Gazette* dated 29 February 1996, the State Authority in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], proclaimed that the parcel of land situated in the Mukim of Lekir, District of Manjung described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 74161 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak to be a reserve for the purpose of a grazing ground to be maintained by the Director of Veterinary Services of Perak and controlled by the State Secretary of Perak;

And whereas it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be partially revoked as described in the Schedule:

Now, therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to partially revoke the reservation as described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Seri Manjung on 14 July 2005, at 9.30 a.m.

Notification No. 470 published in the Perak Government *Gazette* on 12 May 2005 is hereby cancelled.

SCHEDULE

District—Manjung. Mukim—Lekir. Plan No.—P.A. 74161. Lot No.—4921. Area—8.15 hectares/20 acres.

Dated 28 June 2005
[PTG.Pk. 252/2-93 (D)P Jld. 1;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 3]

HASIM BIN HASAN
*Secretary*
*State Executive Council*
*Perak*

ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM 1959
SURATCARA PERWAKILAN KUASA

**No. 740.**

[Seksyen 11(2)]

PERWAKILAN KUASA MELANTIK, MENGESAH DALAM PERKHIDMATAN DAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN JAWATAN-JAWATAN DI BAWAH BIDANG KUASA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 11(2) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 1959 [*En. No. 10 of 1959*], Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak dengan ini meminda JADUAL KETIGA *Warta* Kerajaan Negeri Perak GN. No. 220 yang disiarkan pada 25 Mac 2004, dengan menggantikan dengan yang berikut:

JADUAL KETIGA

KAKITANGAN ISTANA D.Y.M.M. SULTAN PERAK

| Bil. | Jawatan | Gred | Klasifikasi Jawatan |
|---|---|---|---|
| 1. | Serang | A17 | Serang |
| 2. | Juru Injin Laut | A11 | Juru Injin Laut |
| 3. | Kelasi/Jurumudi | A1 | Jurumudi |
| 4. | Pembantu Tadbir Rendah | N11 | Ketua Penjaga (Butler) |
| 5. | Pembantu Am Rendah | N1 | Toh Setia Guna |
| 6. | Pembantu Am Rendah | N1 | Ketua Bentara |
| | | | Engku Panglima Besar |
| | | | Engku Panglima Dalam |
| | | | Bentara |
| | | | Bentara Perempuan |
| | | | Bentara kepada D.Y.T.M. Raja Muda |
| | | | Bentara kepada D.Y.T.M. Raja DiHilir |
| | | | Pelayan Rumah |
| | | | Toh Setia Indera |
| | | | Panglima Perang Kiri |
| | | | Panglima Perang Kanan |
| | | | Toh Gembira |
| | | | Ketua Pelayan |
| | | | Pelayan |
| | | | Penghantar Surat dan Orderly bagi Orang Besar Jajahan |
| | | | Steward dan Penunggu |
| | | | Penunggu |

| Bil. | Jawatan | Gred | Klasifikasi Jawatan |
|---|---|---|---|
| 7. | Orang Kalor | N1 | Orang Kalor |
| 8. | Tukang Masak | N1 | Tukang Masak |
| 9. | Pekerja Rendah Awam | R4 | Mandor |
| 10. | Pemandu Kenderaan Bermotor | R3 | Pemandu Kereta, Van, Lori dan Bas |
| 11. | Pekerja Rendah Awam | R1 | Pekerja Am |
| 12. | Dang Perwara kepada D.Y.M.M Raja Permaisuri | | Dang Perwara kepada D.Y.M.M. Raja Permaisuri |
| 13. | Raja Chik Dewa Pawang | | Pawang DiRaja (Elaun RM500.00 s.b) |
| 14. | Toh Paduka Dewa Tanya DiRaja | | Penolong Pawang DiRaja (Elaun RM100.00 s.b) |

Bertarikh 13 Jun 2005
[SPA. Pk. 358A/790/83/4 Jld. 1]

DATO' MUSTAPHA BIN SAAD
*Pengerusi*
*Suruhanjaya Perkhidmatan Awam*
*Perak*

Hakcipta Pencetak (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA